



"MANFAATKAN CUTI SEKOLAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَالْعَصْرُ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، فِي النُّسْكِ وَالصَّلَاةِ وَالْعِبَادَةِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ عَلَّمَنَا مِنْهُجَ الرَّشَادِ وَالْقِيَادَةِ،</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أُولِي الْعِزْمِ وَالسِّيَادَةِ</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ،</p>	5
<p>فَقَدْ أَمَرْنَا رَبُّنَا بِذَلِكَ فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ حَيْثُ قَالَ: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Pada hari Jumaat yang penuh dengan rahmat dan keberkatan ini saya ingin berpesan kepada diri saya dan para jamaah untuk sama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan sentiasa melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang beroleh kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat</p>	9
<p>Bersempena dengan cuti persekolahan akhir tahun yang baru bermula, marilah sama-sama kita hayati khutbah pada hari ini di bawah tajuk "MANFAATKAN CUTI SEKOLAH."</p>	10
<p>Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan hadirin Jumaat sekalian akan pesanan Rasulullah SAW supaya dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah bercakap-cakap dan melakukan perkara yang sia-sia, termasuklah menggunakan telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah.</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,</p>	11

¹ Al-Asr : 1-3.



<p>Cuti sekolah kembali lagi. Inilah masa yang ditunggu-tunggu oleh anak-anak yang bersekolah lantaran mereka tidak lagi terikat dengan buku-buku pelajaran, aktiviti kokurikulum atau pun kelas tambahan. Pendek kata, sebarang perkara yang berkaitan sekolah tidak lagi menjadi perhatian mereka. Malah, ramai yang beranggapan, inilah masanya untuk mereka berehat, berseronok dan melakukan sesuatu yang digemari mereka akibat kekangan masa dan peluang sewaktu sesi persekolahan berlangsung.</p>	12
<p>Hadis daripada Ibnu Abbas Radhiallahu Anhu:</p> <p style="text-align: center;">نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ</p> <p><i>"Dua nikmat yang sering memperdaya manusia: Kesihatan dan kelapangan masa."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	13
<p>Muslimin sekalian,</p> <p>Ingatlah masa itu ibarat emas. Ungkapan ini biasa disebut-sebut bagi menggambarkan betapa masa itu sangat berharga. Ini kerana perkara yang paling berharga setelah memiliki iman dan islam dalam diri adalah masa.</p>	14
<p>Menerusi al-Quran Allah SWT banyak bersumpah dengan masa sebagai peringatan betapa pentingnya masa kepada kita. Sebagaimana maksud ayat yang dibacakan di awal khutbah tadi dalam surah al-Asr ayat 1-3. Selain itu Allah SWT juga sering menggambarkan kepentingan masa dengan menyebut وَالضُّحَى (demi waktu Dhuha), وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَى (Dan malam apabila ia sunyi-sepi), وَالصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ (Dan siang, apabila ia mulai terang).</p>	15
<p>Ini menunjukkan bahawa masa itu adalah nikmat Allah yang sangat bernilai. Imam Fakhrudin al-Razi ketika mentafsirkan surah al-Asr berkata:</p> <p style="text-align: center;">فَكَأَنَّهُ تَعَالَى أَقْسَمَ عَلَى أَنَّ الدَّهْرَ وَالْعَصْرَ نِعْمَةٌ حَاصِلَةٌ لَا عَيْبَ فِيهَا إِنَّمَا الْخَاسِرُ الْمَعْيِبُ هُوَ الْإِنْسَانُ.</p>	16
<p><i>"Seolah-olah Allah Taala bersumpah bahawa masa dan waktu itu adalah nikmat yang berhasil, tiada aib padanya, hanya sanya yang rugi dan aib itu adalah manusia".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Tafsir al-Kabir).</i></p>	17



<p>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Orang yang bijak adalah orang yang menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini, peranan ibu bapa adalah perlu bagi memastikan anak-anak dapat melakukan aktiviti bermanfaat sepanjang cuti persekolahan. Biasanya, anak-anak mempunyai perancangan tersendiri bagi mengisi waktu mereka. Apa yang diharapkan, ibu bapa dapat memantau aktiviti anak-anak agar tidak terjerumus ke arah perkara-perkara negatif membabitkan kerosakan moral dan akhlak apatah lagi berkaitan dengan aqidah seorang muslim. Ini menunjukkan bahawa ibu bapalah penentu dan pencorak utama masa depan anak-anak.</p>	18
<p>Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ</p>	19
<p><i>"Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua orang ibu bapanyalah yang akan menjadikan anak itu seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi".</i> (Riwayat al-Bukhari).</p>	20
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Sebenarnya, pelbagai aktiviti boleh diisi sepanjang cuti persekolahan. Sebagai perkongsian pandangan kepada para jemaah khususnya yang mempunyai anak-anak bersekolah, antara aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan sepanjang cuti sekolah adalah:</p> <p>1. Imarah masjid melibatkan anak-anak dengan aktiviti-aktiviti masjid seperti solat berjemaah, kelas pengajian, hafazan al-Quran, kelas-kelas fardu ain, smart solat, daurah-daurah dan sebagainya.</p> <p>Rehlah dan berkelah. Dengan kata lain melancong dan berkelah ke mana-mana destinasi. Melalui aktiviti ini, ia dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengenali dunia luar</p>	21
<p>melihat keindahan alam ciptaan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 11:</p> <p>﴿الْمُكَذِّبِينَ عَقِبَةً كَانُوا كَيْفَ أَنْظَرُوا ثُمَّ الْأَرْضِ فِي سَيْرُوا قُلْ﴾</p>	22



<p><i>“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibat buruk (yang menimpa) orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul) itu.”</i></p>	23
<p>Kem Cuti Sekolah. Program ini biasanya memuatkan pelbagai aktiviti yang berasaskan motivasi pembinaan dan pembangunan serta sahsiah diri, kerohanian, akhlak dan ibadah dan seumpamanya. Di samping mendapat ilmu, pengalaman dan mengenali rakan-rakan baru.</p> <p>Ziarah menziarahi keluarga terdekat dan jauh supaya dapat mengenali dan eratkan hubungan kekeluargaan serta mengukuhkan hubungan silaturrahim.</p>	24
<p>Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ، وَيُنْسَأَ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ</p> <p><i>“Siapa yang ingin diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, hendaklah menyambung hubungan silaturrahim.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	25
<p>Muslimin Jumaat yang berbahagia,</p> <p>Khatib juga ingin berpesan kepada semua hadirin, janganlah sesekali membiarkan anak-anak menghabiskan masa cuti sekolah dengan perkara yang tidak berfaedah. Perkara-perkara negatif sebenarnya tidak membantu dalam memperkembangkan potensi diri bahkan memberi kemudharatan kepada diri sendiri. Contohnya menonton siaran dan program di televisyen tanpa pengawasan, bermain permainan video dan telefon pintar tanpa had masa dan berjumpa kawan-kawan tanpa mengira siang dan malam.</p>	26
<p>Pengawasan dan pemantauan ibu bapa adalah sangat penting bagi mengelakkan mereka mendapat kemudharatan serta terlibat dengan gejala yang tidak bermoral.</p>	27



<p>Perkara ini telah diperingatkan oleh Allah SWT dalam surah al-Tahrim ayat 6:</p> <p>وَالْحِجَارَةُ النَّاسُ وَقُودُهَا نَارًا وَأَهْلِيكُمْ أَنْفُسُكُمْ قُوًا ءَامَنُوا الَّذِينَ يَأْتِيهَا يُؤْمَرُونَ مَا وَيَفْعَلُونَ أَمْرَهُمْ مَا اللَّهُ يَعَصُونَ لَا شِدَادٌ غِلَظٌ مَلَتِكَةٌ عَلَيْهَا</p>	28
<p><i>"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."</i></p>	29
<p>Hadirin sekalian,</p> <p>Sesungguhnya, setiap mukmin yang bertaqwa akan menghargai setiap detik dan masa. Seterusnya, peranan ibu bapa dalam usaha mendidik anak-anak untuk lebih menghargai masa amat penting demi kecemerlangan mereka di dunia dan di akhirat. Kepada anak-anak yang masih di bangku sekolah, hargailah waktu mudamu dengan perkara-perkara yang berfaedah. Salah satu daripada lima perkara yang dipesan oleh Rasulullah SAW iaitu 'ingatlah masa lapangmu sebelum masa sibukmu' perlulah direnungkan bersama-sama agar di akhirat nanti kita tidak akan kerugian.</p>	30
<p>Mengakhiri khtbah pada hari ini, marilah kita sama-sama mengamati beberapa taujihat dan saranan yang terkandung di dalamnya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa masa adalah amat penting dalam kehidupan seseorang muslim dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. 2. Umat Islam wajib mendidik anak-anak menghargai dan mengisi masa cuti sekolah dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah. 3. Umat Islam sama ada ibu bpa dan masyarakat hendaklah sentiasa memantau dan menjadi mata telinga dalam memastikan anak-anak tidak terlibat dengan perkara-perkara yang sia-sia bahkan memudaratkan diri. 	31
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِذْنِ اللَّهِ حَقَّقْنَا لَهُمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلْتَنَاهُمْ مِنْ عَمَلِهِمْ مِنْ شَيْءٍ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ</p>	32



<p><i>“Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(surah al-Tur : 21).</i></p>	33
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	34
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	35



KHUTBAH KEDUA

33	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
34	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
35	Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...
36	menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....
37 Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:
38	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
39	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
40	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.



<p>اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى اَنْتَ حَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>	41
<p>سُلْطَانَ شَرْفُ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صِلَاحُ الدِّيْنِ عبد العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنِ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيْ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكُو اَمِيْر شَاه اِبْنَالسُّلْطَانَ شَرْفُ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج</p>	42
<p>فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.</p>	43
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>	44
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p>	45
<p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	46
<p>Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	47



48	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوكَ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِينَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ
49	رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
50	عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾
51	فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.